



UNTUK TERBITAN SEGERA
RABU 4 MAC 2015

Pelan kerjasama strategik antara Kwasa Land dengan Impiana Land & Development untuk pembangunan projek perumahan oleh pemaju Bumiputera pertama di Kwasa Damansara

PETALING JAYA --- Satu Perjanjian Hak Pembangunan telah dimeterai di antara pemilik tanah **Kwasa Development (3) Sdn Bhd**, sebuah anak syarikat penuh milik **Kwasa Land** dengan rakan pembangunan **Impiana Land & Development Sdn Bhd** untuk pembangunan perumahan oleh pemaju Bumiputera pertama di atas tanah seluas 8.79 ekar di Kwasa Damansara dikenali sebagai R3-2.

Pengumuman telah dibuat oleh Kwasa Land, sebagai pemaju induk bagi pembangunan ikonik 2,330 ekar yang juga anak syarikat milik penuh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, hari ini.

Perjanjian telah ditandatangani oleh Pengarah Urusan Kwasa Land, Dato' Mohd Lotfy Mohd Noh dan Pengarah Urusan Impiana Land & Development Dato' Haris Onn Hussein dengan disaksikan oleh Pengerusi Kwasa Land Tan Sri Samsudin Osman dan penasihat korporat Impiana Land & Development Dato' Ghazi Ishak.

"Projek pembangunan 6 tahun ini dijangka akan menjana Nilai Pembangunan Kasar sebanyak RM400 juta, setelah mengambil kira kadar diskaun tujuh peratus untuk pembeli Bumiputera," kata Pengarah Urusan Kwasa Land Dato' Mohd Lotfy Mohd Noh.

"Adalah dijangkakan jumlah keseluruhan pendapatan yang bakal diperolehi Kwasa Land pada akhir pembangunan ini adalah sebanyak RM65 juta, iaitu bersamaan dengan RM170 bagi setiap kaki persegi. Jumlah berkenaan adalah termasuk jumlah perkongsian 5 peratus daripada hasil penjualan unit rumah yang dibangunkan."

Pembangunan di atas tanah berstatus pegangan bebas ini terdiri daripada 396 unit kondominium, 20 unit 'park homes' dan 20 unit *penthouse* dengan harga bermula dari RM650,000 seunit. Harga pasaran semasa hartanah di kawasan sekitarnya juga berada dalam lingkungan harga tersebut.

Konsep pembangunan R3-2 bakal mencerminkan gaya hidup sihat dan berkualiti dengan reka bentuk strategik yang melangkaui konsep pembangunan tradisional sedia ada. Pengasingan trek pejalan kaki dan laluan kenderaan bermotor adalah ciri keselamatan utama yang diketengahkan dalam pelan perancangan projek ini – di mana kebiasaannya pejalan kaki dan kenderaan akan berkongsi laluan yang sama.

Ciri-ciri reka bentuk R3-2 yang lestari dan mampan akan menyumbang kepada penyelenggaraan bangunan yang minimum dan lebih responsif terhadap inisiatif teknologi hijau seperti kecekapan tenaga, kualiti keadaan dalaman bangunan yang lebih berkualiti, pengurangan kesan haba, kecekapan guna air dan ciri-ciri kitar semula.

"Sebagai tambahan, pembangunan yang berkonsepkan taman bandar ini – di mana 80 peratus daripada struktur dan kandungan pembangunan telah diperuntukkan kepada landskap kehijauan dan mesra alam – akan menggalakkan gaya hidup sihat, dan ruang rekreasi serta santai yang lebih luas. Taman-taman juga dirancang khas untuk taman permainan kanak-kanak, sukan dan permainan luaran, manakala lorong berbasikal dan trek jogging dihubungkan kepada rangkaian perbandaran hijau, sebagaimana yang telah digariskan di bawah Garis Panduan Reka Bentuk bagi bandar kami.

"Sememangnya, R3-2 akan menjadi pemangkin kepada bandar Kwasa Damansara, memandangkan pelancarannya yang hampir serentak dengan pembangunan Pusat Bandar MX-1 oleh MRCB."

Pembangunan ini dikatakan akan memberi impak terutamanya bagi mereka yang sedang mencari kediaman di kawasan tumpuan utama di Lembah Klang. R3-2 bakal mendapat manfaat kesan daripada kedudukannya yang strategik terletak berhampiran dengan pusat Bandar MX-1, rangkaian 3 lebuh raya sedia ada serta cadangan Lebuh Raya Damansara-Shah Alam (DASH), dua stesen MRT – di mana salah satu daripadanya bersempadanan dengan projek ini – serta terminal udara Subang SkyPark yang berdekatan.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai pembangunan perbandaran Kwasa Land, sila layari www.kwasaland.com.my.

MENGENAI KWASA LAND SDN BHD

Kwasa Land Sdn Bhd adalah sebuah syarikat milik penuh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dengan modal saham RM50 juta dan modal berbayar semasa sebanyak RM32 juta. Kwasa Land telah ditubuhkan pada bulan September 2010 untuk menguruskan pelaburan pembangunan hartanah KWSP yang bernilai berbilion ringgit di negara ini.

Sebagai pemaju induk, Kwasa Land diamanahkan untuk memajukan sebuah bandar komuniti lestari untuk tempoh 20 tahun akan datang, yang terdiri daripada gabungan pembangunan hab moden untuk kediaman, komersial, rekreasi dan fasiliti pendidikan. Ia juga akan menggabungkan sistem pengangkutan bersepadu yang menghubungkannya kepada sistem MRT.

SIARAN AKHBAR ini disediakan bagi pihak Kwasa Land Sdn Bhd oleh firma perunding perhubungan awam GRA Communications Sdn Bhd. **UNTUK MAKLUMAT LANJUT**, sila hubungi Siti Anisah Sheikh Osman di talian +6014 6358600 (sitianisah@kwasaland.com.my) ATAU Ghazalie Abdullah di talian +6017 3361090 (ghazalie@gra-pr.com).